

# 'Tindakan tahan 11 militan wajar'

BH-216/2006

**B**UTTERWORTH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menyifatkan tindakan polis menahan 11 anggota kumpulan radikal, Darul Islam, yang beroperasi di Sabah, sebagai wajar.

Perdana Menteri berkata, siasatan polis mendapati ahli kumpulan itu merancang untuk mendirikan Daulah Islamiah Nusantara mengikut cara mereka.

"Pendekatan yang mereka ambil adalah di luar batasan undang-undang dan Perlembagaan negara. Ada tanda mereka akan menggunakan keganasan dan kekerasan untuk mencapai matlamat itu.

"Maka sebab itulah mereka mesti ditahan daripada melakukannya (meneruskan usaha menubuhkan Daulah Islamiah Nusantara secara militan)," katanya pada sidang media selepas merasmikan Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2006 di Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini, petang semalam.

Perdana Menteri mengulas tindakan polis menahan 11 anggota kumpulan radikal itu termasuk tiga guru mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), sejak April lalu.


Kumpulan radikal Islam itu yang beroperasi di Sabah merancang mewujudkan Daulah Islamiah Nusantara membabitkan Indonesia, Malaysia, Selatan Filipina dan Selatan Thailand, secara militan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Bakri Omar dilaporkan berkata, kumpulan itu mempunyai dua sel utama di Tawau dan Sandakan, dipercayai menjadi pusat penghantaran militan Indonesia menyusup ke Selatan Filipina serta menyeludup senjata api dari Filipina ke Indonesia.

Ditanya sama ada banyak lagi tanggapan terhadap anggota kumpulan itu, Abdullah berkata: "Kalau ada lagi, tangkaplah...tak ada tak ada lah".

Mengenai kenyataan Bakri bahawa polis taat setia kepada kerajaan yang memerintah, Perdana Menteri berkata: "Ya, beliau ada menelefon saya. Saya ucap terima kasih kepadanya."

Sementara itu, bagi masyarakat se-



**BENIH BERKUALITI:** Abdullah mendengar penerangan mengenai anak pisang jenis Chavendish daripada Mohd Fasharuddin Ishak (kanan) di Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2006 di Seberang Jaya, semalam.

tempat di Tawau, Mohd Nazri Dollah, seorang daripada anggota kumpulan terbabit, lebih dikenali sebagai 'Ustaz Nazri' kerana kerap menjadi penceramah jemputan stesen radio tempatan Tawau FM, selain menyampaikan kuliah agama di beberapa masjid.

Berasal dari Kedah dan beristerikan warga Filipina, Mohd Nazri, 31, bertugas sebagai guru agama di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kinabutan, Batu 6, Jalan Apas, Tawau.

Beliau dikatakan bijak menarik

perhatian pendengar dan hadirin menerusi cara penyampaian dakwah yang serba sederhana.

Justeru, ramai penduduk tempatan terkejut apabila ustaz yang mempunyai hubungan rapat dan mesra dengan mereka, tersenarai sebagai seorang daripada 11 anggota Darul Islam yang ditahan mengikut ISA.

Seorang kenalanannya yang enggan namanya disiarkan berkata, Mohd Nazri mengajar sesi pagi dan manakala seorang seorang lagi individu yang turut ditahan, Mohd Arasad

Patangari, mengajar di sekolah sama sesi petang.

"Perwatakan Mohd Nazri memang disenangi semua pihak kerana dia mudah bergaul dengan semua lapisan masyarakat dan warak orangnya.

"Mereka mulai tidak kelihatan sejak April lalu dan pada awalnya kami tertanya-tanya juga mengenai 'kehilangan' mereka sehingga laporan penahanan mereka disiarkan," katanya.